

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG**  
**KAWASAN : BAGAN**

**SOALAN NO. 233**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan prestasi kerja semua projek yang sedang dilaksanakan di Pulau Pinang, nyatakan projek yang lewat serta tindakan yang diambil ke atas pihak kontraktor berkaitan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua (2) buah projek jalan yang sedang dalam fasa pembinaan iaitu pertama projek Menaiktaraf Laluan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling (Sek.720) Ke Jambatan Di Atas Sungai Junjung (Sek.740), Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang - Fasa 5 (Menaiktaraf Jalan Dan Persimpangan Kepada Empat Lorong Dua Hala) dengan status kemajuan terkini adalah 82% (Semasa) berbanding 85% (Jadual). Manakala projek kedua ialah projek Membina Jalan Dari 2 Lorong Ke 4 Lorong Dari Permatang Pak Elong (Sek. 773) Hingga Jambatan Merdeka (Sek. 782) Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dengan status projek terkini adalah 52% (Semasa) berbanding 53% (Jadual).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain daripada kedua-dua projek jalan yang telah dinyatakan, terdapat satu (1) projek menggantikan jambatan sempit dan uzur yang dalam pelaksanaan iaitu projek Menggantikan Jambatan Sedia Ada FT006/041/93, Barat Daya, Pulau Pinang. Status kemajuan projek adalah 79% (semasa) berbanding 93% (Jadual). Kelewatan projek ini disebabkan oleh pematuhan dan penyediaan laporan EIA serta arahan berhenti kerja di tapak semasa tempoh PKP. Pihak kontraktor telah menghantar permohonan Lanjut Tempoh Masa (EOT) selama 84 hari dan masih dalam pertimbangan Pihak Pengguna Projek (SO).

Sekian, terima kasih.